



1 Mekanisme Integriti

Integriti telah membangunkan beberapa mekanisme untuk membantu organisasi merangka, melaksana dan memantau pelan integriti masing-masing.

Integrity Assessment Tool

IAT adalah berdasarkan rangka kerja CISM yang dijadikan contoh untuk mendukung inisiatif integriti korporat dalam meningkatkan tadbir urus korporat. IAT digunakan untuk menilai keadaan integriti dengan mengenal pasti jurang dan halangan yang dihadapi oleh organisasi bagi mencapai standard etika yang tinggi.

IAT

Malaysian Integrity Profile

Untuk mengenal pasti kecenderungan seseorang individu sama ada tetap konsisten untuk jujur dalam setiap tindakan, mempunyai nilai dan prinsip di samping untuk menilai profil atau kecenderungan individu untuk terlibat dalam tingkahlaku yang tidak produktif.

MIP

Plan Integriti Organisasi

Pelan ini mengartikan pernyataan masalah, melalui pendekatan dan program yang berkaitan dengan semua aspek dalam memperbaiki jurang seperti pelaksanaan tugas dan penyampaian perkhidmatan.

PIO

Pemantauan/penilaian

Bertujuan memantau, mengukur dan menilai kemajuan inisiatif Pelan Integriti yang dilaksanakan oleh Syarikat dan/atau agensi. Menggunakan rangka kerja sistem pengurusan berasaskan hasil, 'monitoring dashboard' yang tertumpu kepada hasil dan impak setiap aktiviti program.

Monitoring Dashboard

Pembangunan Integriti Bersama Komuniti

PIBK adalah satu pendekatan yang melibatkan pembelajaran mengenai keperluan pelanggan, cabaran penyampaian perkhidmatan, menyokong masyarakat dan syarikat untuk menjayakan inisiatif integriti bagi penyelesaian yang praktikal, dan pemantauan berterusan serta penyampaian perkhidmatan.

PIBK

Apakah Malaysian Integrity Profile (MIP)

MIP dibangunkan untuk mengenal pasti kecenderungan seseorang individu untuk menjadi jujur dan konsisten dari segi tindakan, nilai-nilai dan prinsip-prinsip, dan juga untuk melihat integriti sebagai bahagian penting dalam kehidupan seseorang. MIP adalah untuk mengukur personaliti dan keperibadian yang boleh mempengaruhi kemampuan individu untuk mengekalkan integriti dalam pelbagai situasi.

Apa Itu Integriti?

Integriti adalah kualiti yang ada pada seorang individu yang bersifat jujur dengan prinsip moral yang kukuh. Seseorang yang berintegriti menunjukkan peribadi yang konsisten dengan nilai moral dan etika yang tinggi. Integriti adalah kualiti kecemerlangan yang dimanifestasikan secara holistik dan bersepadu dalam individu dan organisasi. Kejujuran dan amanah adalah penting kepada integriti.

Apa itu Psikometrik?

Psikometrik adalah penilaian sains psikologi, berkaitan dengan reka bentuk, penggunaan teknik statistik dan matematik dalam ujian psikologi. Ia merupakan satu instrumen yang terbaik dan boleh diimplementasikan dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, sumber manusia, ekonomi, tingkah laku, epidemiologi, kecerdasan pemikiran, keselamatan dan sains forensik. Ia merangkumi teori dan teknik pendidikan dan pengukuran psikologi termasuk pengukuran pengetahuan, keupayaan, sikap dan ciri-ciri keperibadian.

2 Gambaran Keseluruhan MIP

Malaysian Integrity Profile (MIP) adalah untuk menentukan kemungkinan seseorang bertindak mengikut nilai integriti dan kecenderungan menunjukkan cabaran tingkah laku di tempat kerja berdasarkan penilaian psikometrik.

MIP mengukur Integriti peribadi melalui dua aspek utama – Kualiti Peribadi dan Kredibiliti.

CIRI-CIRI

MIP mempunyai ciri-ciri berikut:

Mengukur Aspek Keperibadian dan Perilaku yang Memperkukuhkan Integriti
MIP mengukur aspek keperibadian dan tingkah laku yang boleh mempengaruhi kebolehan seseorang untuk mengekalkan integriti dalam pelbagai situasi.

Boleh dilaksanakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia
MIP boleh dilaksanakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Versi dalam bahasa lain juga boleh disediakan berdasarkan permintaan.

Versi Kumpulan Sasaran Tertentu
MIP sesuai untuk orang dewasa berusia 18 tahun dan ke atas. MIP juga boleh dioptimumkan untuk kumpulan sasaran tertentu berdasarkan permintaan.

Memenuhi Standard Antarabangsa
MIP dibangunkan mengikut kaedah dan prinsip yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam ujian psikometrik dan dalam pengukuran integriti secara khusus.

Kesahan dan Kebolehpercayaan (Validity and Reliability)
MIP dibangunkan berdasarkan penyelidikan dan bukti yang luas dari pelbagai sumber dan menunjukkan bahawa ia adalah pengukuran integriti yang sah dan boleh dipercayai. Setiap soalan telah melalui proses semakan yang menyeluruh oleh kumpulan pakar untuk memastikan ujian ini adil dan relevan.

Menyediakan Laporan Profil
Laporan profil MIP menyediakan skor beserta analisa terhadap lima aspek personaliti yang dianggap boleh mempengaruhi integriti seseorang. Skor ini menyatakan maklumat secara terperinci mengikut kesahan, kejujuran dan kecenderungan seseorang untuk mengamalkan integriti secara konsisten.

Boleh Digunakan Untuk Pelbagai Peringkat Kitaran Hayat Pekerja
Keputusan MIP boleh digunakan untuk pengambilan pekerja, pembangunan individu, perancangan peralihan (*succession planning*) dan penilaian prestasi.

Kepelbagaian Media Pentadbiran
MIP boleh dilaksanakan sama ada dengan kaedah menggunakan kertas (*Paper Based Test*) atau komputer (*Computer Based Test*). Setiap calon ujian boleh memilih medium yang paling selesa untuk melengkapkan proses ujian.




3 Domain MIP



4 Apakah yang dinilai dalam MIP?


- MIP menilai kecenderungan untuk menjadi jujur dan konsisten dalam tindakan, nilai dan prinsip juga melihat integriti sebagai bahagian yang penting dalam kehidupan seseorang.
- MIP menentukan sama ada pekerja anda:
- boleh dijangka mengikut peraturan dan undang-undang
 - boleh mengawal emosi dan mengelak dari membuat keputusan yang tergesa-gesa dan tidak rasional
 - cenderung untuk mengelakkan diri dalam tingkah laku berisiko
 - bekerja keras
 - jujur dan ikhlas dalam tindakan
 - secara konsisten terlibat dan memberikan komitmen terhadap tugas
 - secara konsisten menunjukkan nilai-nilai positif terhadap masyarakat pelbagai budaya

5 Apakah kelebihan MIP?



MIP dalam kitaran kehidupan seorang pekerja

6 Kedudukan Nilai MIP



7 Klasifikasi Penilaian Integriti

- Secara Overt:**
- Ukuran yang khusus
 - Meramal kecurian
 - Menggunakan soalan secara langsung untuk menilai tahap integriti individu
- Secara Covert:**
- Ukuran yang luas
 - Meramal tingkah laku tidak produktif
 - Kurang menggunakan soalan secara langsung untuk mengenalpasti tahap integriti individu.
- Integriti Organisasi:**
- Menyediakan penilaian menyeluruh berkenaan integriti korporat dan etika
 - Boleh dilaksanakan penilaian keprihatinan pengurusan tertinggi terhadap integriti dan etika
- Integriti Peribadi:**
- Menyediakan maklumat terperinci tentang tingkah laku devian dan sifat-sifat berkaitan dengan ketidakjujuran dan tingkah laku kerja yang tidak produktif.

8 Siapakah yang akan mendapat manfaat daripada MIP?



Untuk mendapatkan maklumat mengenai produk, perkhidmatan dan sebut harga, sila hubungi:

Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI)
 Menara Integriti, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin off Jalan Tuanku Abdul Halim
 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
 Tel: (603) 6209 2000 Faks: (603) 6203 1005
 emel: mip@integriti.my Laman web: www.integriti.my